



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“MENGEMBALIKAN TRADISI MEMPERTEGUH SUNNAH AIDILFITRI”

21 April 2023 / 30 Ramadan 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِبِنِعْمَةِ الصِّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ،
وَضَاعَفَ فِيهِ الْأَجُورَ وَالْإِنْعَامَ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصِّيَامَ وَفِي لَيْلِهِ الْقِيَامَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ
إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَّامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ
السَّلَامِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَنَ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: “MENGEMBALIKAN TRADISI MEMPERTEGUH SUNNAH AIDILFITRI”

Hari ini ialah Jumaat terakhir bulan Ramadan 1444 Hijrah. Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Ilahi yang telah memberikan kita usia sampai ke penghujung Ramadan. Setelah tekun dan nekad melaksanakan ibadah sepanjang Ramadan, kini tiba masanya Allah SWT mengurniakan kita nikmat kegembiraan menyambut hari kemenangan, 1 Syawal, sebaik terbenamnya matahari pada Maghrib nanti. Hari Raya Aidilfitri merupakan hari kemenangan yang sewajibnya disambut dengan kesyukuran dan kegembiraan. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185:

وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Bermaksud: ...Dan hendaklah kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk Nya yang diberikan kepada mu semoga kamu bersyukur.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Menjelang ketibaan Syawal, kita perlu memperingatkan diri kita agar meraikan Aidilfitri dengan memahami semangat yang tersirat di sebalik amalan dan tradisi meraikannya, berpandukan Sunnah Baginda SAW. Sambutan Hari Raya Aidilfitri, bersifat tidak lengkap tanpa amalan tradisi yang telah dilakukan sejak zaman berzaman.

Tuntutan menghidupkan Aidilfitri bermula pada malam hari raya. Kita dituntut untuk menghidupkan malam raya dengan memperbanyakkan takbir, tahmid dan bersolat sunat, serta memberi makanan, hadiah dan sedekah. Alhamdulillah, amalan bertakbir pada malam raya, kekal dihidupkan, bahkan kemeriahan malam raya amat dirasakan dengan berlakunya amalan bertakbir dari rumah ke rumah.

Imam Nawawi menyebutkan bahawa malam raya harus dihidupkan dengan perkara-perkara ketaatan dan ibadah. Diriwayatkan daripada Ubadah Bin Samit, Nabi SAW bersabda, “Barang siapa yang menghidupkan malam Aidilfitri dan Aidiladha maka hatinya tidak akan mati pada hari hati manusia lain mati”. (Riwayat Tabrani)

Ziarah menziarahi adalah antara amalan yang sangat dianjurkan. Syawal ialah hari untuk melupakan segala persengketaan dalam semangat maaf – memaafi. Selaras dengan seruan Nabi SAW, Hari Raya ialah waktu untuk mengeratkan silaturahim, hari kita dianjurkan berusaha bertemu dengan seramai mungkin orang. Dalam hasrat mahu bertemu dan bersalaman dengan seramai mungkin orang, Baginda SAW memilih jalan yang berlainan sewaktu pergi dan balik masjid ketika menunaikan Solat Sunat Aidilfitri; sebagaimana yang diceritakan oleh Jabir bin Abdillah:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا كَانَ يَوْمَ عِيدٍ خَالَفَ الطَّرِيقَ

Bermaksud; “Nabi SAW melalui jalan yang berlainan ketika pergi dan balik pada hari raya.” (Riwayat al-Bukhari)

Amalan kunjung mengunjung, lebih indah apabila dilengkapi dengan doa yang diajarkan Nabi SAW, berpandukan hadis yang diriwayatkan Wasilah Al-Asqo’ katanya, “Aku bertemu Rasulullah SAW pada pagi hari raya, seraya mengucapkan kepada

Baginda, **تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ** (semoga Allah menerima (ibadah) daripada kami



dan daripada kamu), lalu Baginda menjawab: Ya, **تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ** (semoga Allah menerima (ibadah) daripada kami dan daripada kamu)”).

Para Tetamu Allah yang dimuliakan,

Kitalah yang menghidupkan suasana hari raya. Suasana hari raya hendaklah dihidupkan dengan perkara-perkara yang dapat meningkatkan silaturahim dan hubungan persaudaraan. Ziarahi kaum keluarga, terutama mereka yang lebih tua daripada kita. Raikan para tetamu yang berkunjung di rumah kita, termasuk menerima tetamu yang berlainan kaum dan berlainan agama dengan hati terbuka. Rumah terbuka Aidilfitri hendaklah dijadikan ruang untuk membolehkan tetamu yang berlainan kaum dan berlainan agama dapat memahami adab budaya, budi bahasa dan sopan santun umat Islam yang mengutamakan semangat persaudaraan dan suasana perdamaian.

Indahkan Aidilfitri dengan memberi keriangian kepada golongan miskin dan anak yatim, serta mereka yang daif dan uzur. Hidangkan kepada mereka juadah yang istimewa, hулurkan sedekah dan hadiah untuk menggembirakan mereka. Hiasi Aidilfitri dengan amalan-amalan berunsur ibadah dan jauhi Aidilfitri daripada dicemari dengan pesta berfoya-foya yang bercanggah dengan syarak.

Dalam kalangan ummah yang berkemampuan, digalakkan memakai pakaian baharu pada pagi Hari Raya; malah dalam kalangan yang dikurniakan rezeki yang mewah, dianjurkan agar menginfakkan pakaian baharu kepada orang-orang susah sebelum menjelangnya Syawal, agar orang-orang yang susah, turut berpeluang bergembira dengan pakaian baharu. Hal ini selaras untuk menyahut sunah yang menggalakkan dan menghidupkan amalan berhias dengan pakaian yang cantik. Menurut Abu al-Hasan al-Sindi, berhias pada hari raya termasuk kebiasaan yang sudah lama wujud dalam kalangan para sahabat, malah Nabi SAW juga turut melakukannya. Namun begitu Aidilfitri disambut bukan semata-mata dengan berpakaian baharu. Disebutkan Ibn Rajab al-Hanbali, *“Bukanlah hari raya itu kamu (hanya) memakai baju baharu tetapi hari raya itu bagi mereka yang bertambah ketaatannya kepada Allah.”*



Jemaah yang dirahmati Allah

Untuk memastikan agar Syawal yang bakal kita rayakan lebih bermakna, mimbar memberikan nasihat-nasihat berikut :

Pertama: Membuktikan rasa syukur seorang hamba dengan memuliakan kebesaran Ilahi secara memperbanyakkan takbir dan tahmid sepanjang malam sebaik diumumkan Syawal sehingga dimulakan Solat Sunat Aidilfitri.

Kedua: Merayakan Syawal dengan amalan-amalan bersifat ibadah, berlandaskan syariat dan sunnah Nabi SAW, bermula dengan mandi sunat Aidilfitri, mengenakan pakaian baharu, menjamah sedikit makanan sebelum menunaikan Solat Sunat Aidilfitri, menunaikan Solat Sunat Aidilfitri secara berjemaah, bersedekah dan ziarah menziarahi.

Ketiga: Menghidupkan amalan-amalan yang boleh mengeratkan silaturahim dan meningkatkan hubungan kekeluargaan dan persaudaraan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ
بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ
اللَّهِ ﷺ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Terimalah ibadah puasa dan segala ibadah yang kami abadikan kepada Mu sepanjang Ramadan; kurniai kami keinsafan dan teguhkan iman kami untuk meningkatkan ibadah dan ketaatan kepada Mu, Ya Allah; kurniai kami menyambut Syawal dalam suasana riang dan gembira, serta hindari kami daripada ditimpa sebarang bencana dan malapetaka.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾